

Headline	Impian miliki rumah sendiri jadi kenyataan		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	21 Jul 2019	Language	Malay
Circulation	56,027	Readership	168,081
Section	Nasional	Page No	9
ArticleSize	671 cm <sup>2</sup>	Journalist	Haryani Ngah
PR Value	RM 66,912		



Khalid (tengah) bersama Roslan serta Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil bergambar pada Majlis Penyerahan Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan, di Kuala Lumpur. [Foto Mohd Khairul Helmy Mohd Din /BH]

# Impian miliki rumah sendiri jadi kenyataan

Penerima kediaman Projek Baiti Jannati TNB lahir rasa syukur

Oleh Haryani Ngah  
aryani@bh.com.my

**Tidak** terungkap kata-kata, hanya lafaz syukur mampu diucap saat menerima surat tawaran memiliki rumah sendiri di bawah Projek Baiti Jannati (PBJ) Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Hasrat dari impian 60 asnaf daripada pelbagai latar belakang di ibu kota untuk memiliki rumah sendiri, menjadi kenyataan dengan keprihatinan TNB melalui projek PB Wilayah Persekutuan 2019.

Bagi Rukmanihakim Zakaria, 49, yang tidak dapat bekerja ke-

rana menghidap kencing manis sejak dua tahun lalu dan ber-gantung kepada pendapatan isteri, Murni Abjad yang bekerja sebagai tukang cuci, berterima kasih kepada TNB kerana pem-betulan rumah itu mengurangkan beban mereka sekeluarga.

"Duduk di bandar besar ni, apabila dapat menyewa rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dengan sewa bulanan RM124 saya amat bersyukur. Tetapi apabila dimaklumkan dapat rumah percuma, lagilah saya rasakan sat-nikmat besar apatah lagi, TNB turut baik pulih rumah dengan baik dan cantik," katanya yang

mempunyai lima anak.

Bagi Wan Rohani Wan Ismail, 54, menjadi ibu tunggal sejak empat tahun lalu, sememangnya menyimpan impian mempunyai rumah sendiri.

Berdepan dengan sakit saraf dan tinggal di PPR Seri Malaysia bersama lima anak, termasuk seorang anak OKU memerlukan ketabahan tinggi.

Mujur menjalani kehidupan sehari-hari, Wan Rohani dibantu anaknya, Mohd Amin Mohamed, 22, yang bekerja sebagai pengawal keselamatan.

Mohd Amin berkata, proses membina pulih rumah itu banyak membantu ibunya untuk bergerak.

"Kami bukan saja dapat memiliki rumah yang diduduki sekarang tetapi kediaman kami tu-

rut dibaik pulih.

"Rumah kami dicat semula, ditukar mozek dan dipasangkan kipas dingin menjadikan keadaan rumah selesa, sekali gus memudahkan ibu bergerak," katanya.

Sementara itu, Mohd Ab Ghani Abdullah, 50, yang mengalami kecacatan kaki dan bergerak menggunakan kerusi roda tidak putus-putus mengucapkan syukur di atas pemberian rumah itu. Se-wa kediaman mereka sebelum ini dibayar oleh Baitulmal.

"Sekarang rumah tempat kami sekeluarga tinggal sudah menjadi milik sendiri. Terima kasih kepada TNB dan diharapkan kedua-dua anak saya dapat belajar dengan lebih," katanya yang tinggal di PPR Kerinchai dan ditemani isterinya, Rosnah Awang Lah yang juga tidak bekerja.



**Saya impikan memiliki rumah secara sewa beli tetapi tak sangka dapat rezeki lebih baik apabila diberi rumah percuma.**

Rukmanihakim Zakaria,  
Penghidap kencing manis



**Saya hanya mendapat tahu akan diberikan surat tawaran rumah percuma dua hari sebelum majlis penyerahan dan ia sangat mengejutkan. Terima kasih kepada TNB, kementerian dan Baitulmal yang prihatin nasib kami.**

Mohd Ab Ghani Abdullah,  
OKU fizikal



**Syukur dan saya rasa gembira, dapatlah saya dan anak tinggal dengan selesa.**

Wan Rohani Wan Ismail,  
ibu Tunggal